

**POTENSI PRODUK HALAL DI MALAYSIA:
SUMBANGAN KEPADA PEMBANGUNAN
EKONOMI UMAT ISLAM KHUSUSNYA DI TERENGGANU**

NABRDZIAH BINTI YASING

JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGETAHUAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2008

9M 8733

1100088993

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (UMT)
Universiti Malaysia Terengganu



LP 25 FPE 2 2008



1100088993

Potensi produk halal di Malaysia : sumbangan kepada pembangunan ekonomi umat Islam khususnya di Terengganu / Mardziah Yasing.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100088993

Lihat Sebelah

HAK MILIK
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**POTENSI PRODUK HALAL DI MALAYSIA : SUMBANGAN KEPADA
PEMBANGUNAN EKONOMI UMAT ISLAM KHUSUSNYA
DI TERENGGANU**

**MARDZIAH BINTI YASING
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**LAPORAN PROJEKINI MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA
KEPERLUAN UNTUK MENDAPATKAN IJAZAH
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
(UMT)
2008**

PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN4998 dan EKN4999) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh : 30 MAC 08

Tandatangan :



Mardziah Binti Yasing
UK12409

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN4998 and EKN4999) is the result of my own investigation and findings, acceptwhere otherwise stated.

Date : 30 MARCH 08

Signature :



Mardziah Binti Yasing
UK12409

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.....

Assalamualaikum w.b.t.....

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Illahi kerana dengan izin rahmat dan limpah kurnianya telah memberi peluang kepada saya untuk menyiapkan Kertas Projek I EKN4998 dan Kertas Projek II EKN4999 ini dalam masa yang telah ditetapkan.

Di kesempatan yang sedikit ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pn. Noorhaslinda Binti Kulub Abd. Rashid selaku pensyarah di Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang menjadi penyelia kertas projek saya kerana telah meluangkan banyak masa dalam memberi tunjuk ajar dan memberi peluang kepada saya untuk mencedok seberapa banyak ilmu serta tidak jemu-jemu memperbaiki kelemahan yang ada.

Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada para pensyarah yang banyak membantu dan juga pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu serta sesiapa sahaj yang terlibat dalam memberikan maklumat dalam menyiapkan kertas projek ini.

Setulus ucapan terima kasih yang infiniti buat ibu dan keluarga yang banyak memberikan dorongan kepada saya sepanjang belajar di UMT dan sepanjang menyiapkan kertas projek ini serta irungan kalungan doa kepada ayah yang telah kembali ke rahmatullah. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada sahabat-sahabat seperjuangan dan rakan-rakan yang banyak membantu dan berkongsi ilmu bagi melicinkan proses menyiapkan kertas projek ini dan sepanjang berada di UMT.

Akhir kata, saya amat bersyukur dan gembira kerana dapat menyiapkan kertas projek tahun akhir ini kerana ianya banyak memberi input yang berguna kepada saya.

Dengan ini, saya amat berharap agar pihak Jabatan Ekonomi UMT berpuas hati dengan penyediaan kertas projek ini. Saya memohon berbanyak kemaafan di atas segala kekurangan dan kelemahan yang terdapat di dalam kertas projek ini. Harapan saya semoga ianya bertepatan dengan apa yang dikehendaki oleh pihak jabatan dan mencapai matlamat yang disasarkan. Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh :

Mardziah binti Yasing

UK12409

Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)

Alamat : Lot 751 Kg. Banggol Beta, Jal Besar,
16210, Tumpat Kelantan.

H/p : 013-9740237

E-mail : mar_dhotillah@yahoo.com

ABSTRAK

Dalam dunia perindustrian globalisasi masa kini, Malaysia telah membuka satu lagi peluang kepada pengusaha dan pengeluar makanan khususnya produk makanan halal untuk berkecimpung dan bersaing bagi menempatkan diri di pasaran tempatan dan juga pasaran antarabangsa. Permintaan yang tinggi oleh negara-negara Islam dan penduduk Islam terutamanya yang mempunyai kesedaran untuk menggunakan produk halal telah meningkatkan lagi permintaannya. Sebagai sebuah negara Islam yang telah dipercayai dan diiktiraf produk halalnya oleh dunia melalui Tatacara Pensijilan Malaysia dan Standard Halal MS1500:2004, Malaysia telah mengambil peluang untuk menjadi pengeluar produk halal seterusnya bersaing dalam pasaran tersebut. Oleh itu, kertas kerja ini ingin membincangkan tahap kecekapan serta potensi produk halal untuk dibangunkan oleh umat Islam khususnya di Terengganu yang mana ianya banyak melibatkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Berdasarkan kajian lepas oleh Mohd Ali Mohd Noor, 2005, beliau menggunakan pendekatan Kaedah Penyampulan Data (DEA) bagi melihat kecekapan firma IKS dalam penggunaan input serta dalam menghasilkan outputnya. Keputusan menunjukkan hanya 12.6% firma adalah berkecekapan tinggi dan 87.4% perlu membuat beberapa perubahan agar boleh berdayasaing di pasaran. Justeru itu, kajian yang dijalankan adalah melibatkan 17 buah firma halal yang mana setiap firma akan dilihat sama ada penggunaan input serta pengeluaran outputnya berada pada tahap yang cekap atau tidak cekap dengan menggunakan Analisis Skor Kecekapan dan juga Analisis Unjuran Kecekapan. Berdasarkan Analisis Skor Kecekapan mendapati bahawa hanya 7 firma yang berada pada tahap yang cekap dan berdasarkan Analisis Unjuran Kecekapan pula ianya menunjukkan bahawa terdapat 8 firma yang cekap dalam penggunaan input serta penghasilan outputnya. Ini menunjukkan bahawa firma halal di Terengganu masih berada pada tahap yang tidak cekap dan kurang berpotensi untuk dimajukan oleh umat Islam di negeri ini. Walaubagaimanapun, berdasarkan permintaan, ianya masih berpotensi untuk dimajukan sekiranya kelemahan yang ada dapat diatasi.

ABSTRACT

In the globalization industrial world nowadays, Malaysia have stripped another opportunity to entrepreneur and manufacturer food especially halal product to dabble and compete in the local and international market. The increasing demands by Islamic countries and especially by Muslim population whose have awareness to use the halal products contributed to the increasing demand of the products. Malaysia as a Muslim country was credited and acknowledge by the world through ‘Tatacara Pensijilan Malaysia’ and Halal Standard MS1500:2004 took opportunity to be manufacturer in halal product and compete in the international market. Therefore, this paper work want to discuss competency level and potential of halal product to develop by Muslim people especially in Terengganu which involves in Small Medium Industry (SME). Base on the past research by Mohd Ali Mohd Noor, 2005, he used the method Data Envelopment Analysis (DEA) to see the efficiency of SME firm using the inputs to generate the output. Hence, the research incriminate on 17 halal firms which each firm will be seen either utilisation of inputs and production output are efficient or not by using Efficiency Score Analysis and Efficiency Projection Analysis. Base on the Efficiency Score Analysis, it is showed that 7 firms are efficient and through the Efficiency Projection Analysis, it is showed that there are 8 efficient firms in utilisation of inputs and output production. The result indicates that halal firm in Terengganu still standing at inefficient and less potential to be developed by Muslim people in this state. However, based on the demand, it still potential to be developed if weaknesses can be overcome.